



SIARAN MEDIA

TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA (TPPS) BERJAYA SELESAIKAN 51,233 KES BAGI TEMPOH 2018 – 2023

PUTRJAYA, 28 Jun 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) telah berjaya menyelesaikan sebanyak **51,233 kes (termasuk kes tertunggak) bagi tempoh 2018 hingga 2023**. Berdasarkan jumlah tersebut sebanyak 9,081 kes adalah kes Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR), manakala 42,152 kes pula merupakan kes Tribunal Pengurusan Strata (TPS).

Bagi tempoh 2018 hingga 2023, sebanyak 48,839 kes TPPS telah didaftarkan dengan jumlah kes yang berjaya diselesaikan sebanyak 51,233. Ini adalah termasuk kes-kes tertunggak dari tahun – tahun sebelumnya. **Tahun 2023 mencatatkan jumlah tertinggi penyelesaian kes iaitu sebanyak 11,361 kes.**

Bagi **Januari sehingga Mei 2024**, jumlah pendaftaran kes TTPR adalah sebanyak **791 kes** dan **943 kes** berjaya diselesaikan. Untuk TPS pula, pendaftaran kes adalah **4,180 kes** dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak **3,927 kes**. Daripada jumlah 4,180 pendaftaran kes TPS adalah sebanyak 2,941 kes yang didaftarkan secara dalam talian melalui sistem e-TPS berbanding 1,239 kes yang didaftarkan di kaunter.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), “Semua Presiden yang dilantik perlu sentiasa menjaga imej diri serta memberikan sepenuh komitmen dalam melaksanakan tugas secara adil, telus dan berintegriti.”

YB KM pada hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Wafiah Pelantikan kepada 28 orang Presiden baharu bagi TTPR dan TPS bertempat di KPKT, Putrajaya. Pelantikan ini menjadikan **jumlah Presiden TPPS pada ketika ini adalah seramai 43 orang** iaitu 14 orang Presiden TTPR dan 29 orang Presiden TPS.

Justeru, dengan pelantikan ini diharapkan proses pendengaran kes di TPPS dapat berjalan dengan lebih lancar dan efisien serta menepati sasaran yang telah ditetapkan.

TPPS terdiri daripada dua (2) Tribunal iaitu Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS) yang berfungsi sebagai **forum alternatif untuk menyelesaikan pertikaian di antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan** serta hal-hal berkaitan pengurusan strata secara mudah, murah dan cepat. Selari dengan perkembangan teknologi dan inovasi, kini pemfailan kes Tribunal Pengurusan Strata (TPS) boleh dibuat secara dalam talian iaitu melalui pautan <https://etps.kpkt.gov.my/portal> .

Turut hadir bersama di majlis penyampaian watakah pelantikan ialah Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), YBrs Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad; Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, YBhg Dato' Dr. Muhamad Sade bin Mohamad Amin; Pengerusi TPPS, YBrs. Puan D. Sunita Kaur Jessy dan barisan pegawai-pegawai kanan KPKT.

KPKT melalui TPPS sentiasa komited dan memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap hal ehwal pengurusan dan penyelesaian isu strata. Ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan penyediaan perumahan yang berkualiti kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my*

